

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 1 TAHUN 1972

BAYARAN PREMIUM TAMBAHAN KERANA PENUKARAN JENIS TANAMAN

Majlis Mesyuarat Kerajaan di dalam persidangannya pada 6hb. Disember, 1971, telah membincangkan Kertas Bil. 25/1210/71 III (8) dan membuat keputusan iaitu bayaran premium tambahan kepada penukaran jenis tanaman dan penukaran jenis kegunaan kepada pertanian ditetapkan sebanyak \$10.00 sahaja bagi seekar dengan tidak mengira apa jenis tanamannya.

2. Yang demikian perenggan 3 dalam Pengedaran Pengarah Tanah dan Galian Kelantan bilangan 1 Tahun 1971 hendaklah dipadamkan dan diganti dengan perenggan 3 yang baru bagaimana berikut:-

3. Premium Tambahan Kerana Penukaran Jenis Tanaman

- (i) Penukaran dari sebarang jenis tanaman kepada mana-mana tanaman dan penukaran jenis kegunaan kepada pertanian hendaklah dikenakan premium tambahan sebanyak \$10.00 seekar dengan tidak mengira apa jenis tanamannya.
- (ii) Bagi mana-mana tanah yang telah melanggar syarat tanaman hendaklah dikenakan premium tambahan dua kali ganda daripada kadar yang tersebut di atas.

(Perkiraan premium hendaklah mengikut cara yang diterangkan dalam Seksyen 96 K.T.N.)

3. Pindaan yang tersebut di atas berjalan kuat kuasanya mulai daripada 1hb. Januari, 1972.

t.t
(Hj. Mohd. Hariri bin Abu Taif)
Pengarah Tanah dan Galian
Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN**

KOTA BHARU : 1HB. JANUARI, 1972

PTG.Kn.Sulit 80/60/Vol.IV/(54)